

Amalan Etika Perguruan Berasaskan Pemikiran Imam Abū Ḥanīfah: Suatu Tinjauan terhadap Aplikasi Guru Pendidikan Islam di Selangor

The Application of Ethics Based on Abū Ḥanīfah's Thought: A Survey among Islamic Education Teachers

Mohd Anuar Mamat^a, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman^b, Che Zarrina Sa'ari^b, Azizi Che Seman^b, Nur Ulfah Harun^b

^aFaculty of Quranic and Sunnah Studies, Islamic Science University of Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^bDepartment of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: anuarmamat@usim.edu.my

Article history

Received: 2019-02-13 Received in revised form: 2019-04-15 Accepted: 2019-05-01 Published online: 2019-06-30

Abstract

The education system today faces many issues and problems which are closely related to the teacher ethics at various levels. Therefore, this article was conducted to assess the application of professional ethics analyzed based on Imam Abū Ḥanīfah among Islamic education teachers in Selangor. There are in total, 263 respondents involved in this study who work as Islamic education teachers in secondary schools around Selangor. A set of questionnaires are used as a research instrument. The data obtained are analyzed using the Statistical Package for Social Science for Windows Version 22 (SPSS v.22) and are descriptively reported in term of frequency, percentage and mean values. Overall, the result shows that the level of application was high with the mean value is 3.327. This finding shows that Islamic education teachers in Selangor are committed in applying the Ethics of Religious Teachers as according to Imam Abū Ḥanīfah. However, learning and teaching enhancement should be in place in order to sustain these good practices throughout their services.

Keywords: Professional code of ethics for teachers, abu hanifah, application of ethics, teacher, islamic education.

Abstrak

Sistem Pendidikan kini berhadapan dengan pelbagai isu dan masalah khususnya berkaitan dengan etika guru pada pelbagai peringkat. Oleh itu, artikel ini mengkaji tahap amalan Etika Profesion Perguruan yang dianalisis berasaskan pemikiran Imam Abū Ḥanīfah dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Selangor. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 263 guru-guru Pendidikan Islam yang bertugas di sekolah menengah sekitar Selangor. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science for Windows Version 22 (SPSS v.22) dan dipersembahkan secara deskriptif menggunakan kaedah kekerapan, peratusan dan min. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap aplikasi guru Pendidikan Islam di Selangor adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai min 3.327. Dapatan ini menunjukkan para guru Pendidikan Islam di Selangor agak komited dalam mengaplikasikan Etika Profesion Perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah. Walau bagaimanapun, aspek ini sepatutnya diperkukuhkan lagi dengan pengajaran dan penghayatan berterusan supaya amalan baik ini berterusan sepanjang perkhidmatan mereka.

Kata kunci: Etika profesion perguruan, abu hanifah, amalan etika, guru, pendidikan islam.

1.0 PENDAHULUAN

Tidak dapat dinafikan bahawa Pendidikan kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan permasalahan semasa. Antaranya ialah isu etika guru yang saban tahun kedengaran dalam beberapa laporan akhbar tempatan. Walau pun kes yang timbul masih dalam perbicaraan mahkamah atau belum terbukti lagi, ia sedikit sebanyak memberi kesan terhadap profesionalisme keguruan, khususnya kepada guru Pendidikan Islam. Laporan berkaitan kes etika yang melibatkan guru sebagai contohnya guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India (Utusan, 2013), guru ditangkap khalwat (Sinar Harian, 2013), MARA menyiasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru (Malaysiakini, 2015), guru dipenjarakan dua tahun kerana memiliki bahan lucah (Metro, 2015), ustaz ditahan kes tiga pelajar tahfiz cedera dirotan (Berita Harian, 2016), guru agama dipenjarakan dua tahun akibat melakukan kelucahan melampau (Berita Harian, 2016), guru terlibat dalam penipuan dan skim cepat kaya (Utusan, 2016) dan guru besar dijatuhi hukuman penjara dan denda atas tuduhan salah guna kuasa (Metro, 2017), sebenarnya mengugat kepercayaan awam terhadap profesionalisme keguruan. Hal ini perlu ditangani sebaiknya supaya transformasi pendidikan di Malaysia untuk melahirkan masyarakat menghayati nilai dan beretika dapat dijayakan (KPM, 2013).

Oleh yang demikian, aspek etika guru ini menjadi suatu perkara yang amat penting dan kritikal. Beberapa kajian lepas menjelaskan bahawa guru yang benar-benar menuruti adab dan mengamalkan etika perguruan sebagaimana yang sepatutnya akan menjamin dan meningkatkan profesionalisme mereka (Fooi, 2005; Kamarul, 2009) dan turut menyumbang kepada kualiti pelajar yang dihasilkan (Salbiah, 2018; Veugelers, 2000; Norhannan, 2016). Dengan ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menggiatkan usaha untuk melakukan transformasi terhadap bidang pendidikan termasuklah perihal etika dan nilai dalam sistem pendidikan. Pada 2009, KPM telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai dokumen yang menjelaskan kualiti para guru. Antara kriteria penting guru yang digariskan dalam SGM termasuklah guru yang mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi guru profesional yang berkesan dalam mendidik para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (BPG, 2009).

Tambahan pula, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang menjadi dasar kepada proses transformasi pendidikan, aspek nilai dan etika perguruan ini juga diberi penekanan (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 ini menggariskan sebelas anjakan yang menjadi teras utama transformasi sistem pendidikan. Antara yang berkait dengan etika perguruan ialah anjakan ketiga, melahirkan rakyat yang menghayati nilai dan juga anjakan keempat pula ialah mentransformasikan profesion perguruan. Kedua-dua anjakan ini amat berkait rapat secara langsung dengan nilai dan etika yang akan diterapkan dalam proses pendidikan pada pelbagai tahap. Nilai dan etika ini dapat diterapkan dengan sempurna jika guru yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran turut mempunyai etika yang mereka amalkan dalam profesion mereka. Oleh yang demikian, artikel ini akan meninjau tahap dan amalan etika guru Pendidikan Islam dewasa ini,

khususnya untuk guru Pendidikan Islam di Selangor. Aspek etika ini dianalisis berdasarkan pandangan tokoh Islam terkemuka iaitu Imam Abū Ḥanīfah sebagai sumber dan panduan kepada para guru Pendidikan Islam.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif utama yang ingin dikemukakan dalam penulisan artikel ini, iaitu:

1. Menganalisis Etika Profesion Perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah.
2. Meninjau amalan etika perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Selangor berdasarkan domain diri, domain ilmu dan domain sosial (pelajar, sesama guru dan masyarakat).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah gabungan antara metode kualitatif dan juga kuantitatif. Pengkaji menggunakan metode analisis kandungan buku dan penulisan yang berkaitan Imam Abū Ḥanīfah untuk mengeluarkan beberapa elemen etika perguruan menurut beliau, khususnya aspek amalan yang merangkumi lima domain utama, iaitu diri sendiri, ilmu, pembelajaran dan pengajaran, pelajar, rakan sejawat dan masyarakat awam. Setelah selesai pemilihan elemen etika perguruan tersebut kajian diteruskan dengan membandingkan etika perguruan sedia ada dengan etika menurut Imam Abū Ḥanīfah untuk tujuan pembangunan soal selidik. Setelah soal selidik selesai dibina, pengkaji mengaplikasikan metode kuantitatif dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan dan soal selidik merupakan instrumen kajian. Soal selidik tersebut telah disemak oleh pakar yang dilantik (pensyarah dalam bidang pendidikan Islam dan juga pengajian Islam). Setelah itu, kajian tinjauan diteruskan kepada responden terpilih daripada guru Pendidikan Islam di sekitar Selangor. Pemilihan responden adalah secara rawak berdasarkan kategori sekolah. Seramai 263 guru Pendidikan Islam dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka ini mewakili 29 buah sekolah menengah daripada pelbagai daerah di Selangor. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian C. Bahagian A mengandungi item-item demografi responden. Bahagian C pula mengandungi 33 item. Amalan etika ini diukur dengan menggunakan skala Likert yang mempunyai skala daripada 1 – Tidak Pernah hingga 4 – Setiap Masa. Data-data yang diperolehi diproses menggunakan SPSS v.22 dan dianalisis dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min.

4.0 SOROTAN LITERATUR

4.1 Definisi Etika Dan Etika Perguruan

Etika boleh didefinisikan sebagai prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan seperti persatuan dan kelompok profesional yang menjadi nilai dan garis panduan yang harus dipatuhi (DBP, 2015). Etika juga merujuk kepada disiplin falsafah yang memberi perhatian khusus kepada penilaian kritikal terhadap norma dan piawai yang mewajarkan kelakuan perseorangan serta antara individu (Abdul Rahman, 2008). Dalam bahasa Inggeris, etika diterjemahkan sebagai ethics yang mana ia berasal daripada perkataan Yunani, iaitu “ethos” dan membawa maksud ilmu tentang apa yang dapat dilakukan atau ilmu tentang adat kebiasaan (Bertens, 2003; Sharifah Hayaati, 2010). Ethos juga merujuk kepada karektor atau sikap seseorang (Ahmad Sunawari, 2006).

Perkataan “ethics” atau etika dari segi istilah pula merujuk kepada satu kajian yang bersifat falsafah terhadap konsep moral. Istilah ini mencakupi perspektif nilai (values), sifat murni (virtues), prinsip (principles) dan praktis (practices) walaupun dalam cara berbeza berdasarkan rasional akal (Ahmad

Sunawari, 2006; Sharifah Hayaati, 2010). International Encyclopedia of Social Sciences mendefinisikan etika sebagaimana berikut (Nor Azzah, 2015):

1. Sejumlah moral yang ditetapkan oleh sesebuah masyarakat hasil pemerhatian ahli sosiologi terhadap kelakuan ahli masyarakat berkenaan;
2. Kod yang sistematik berhubung prinsip-prinsip moral; dan
3. Teori falsafah tentang kerasionalan sesuatu tingkahlaku moral.

Berdasarkan takrifan di atas menjelaskan bahawa etika merupakan satu set nilai, norma, dan juga standard moral yang diperlukan untuk membezakan sesuatu tindakan manusia itu sama ada betul ataupun salah, baik atau buruk (Nor Azzah, 2015). Manakala, menurut Pelan Integriti Nasional Malaysia pula, etika merupakan sebagai “suatu himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesion” (INTAN, 2006). Berdasarkan pernyataan ini dapat difahami bahawa etika boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu etika individu, etika organisasi dan etika profesion. Pembahagian ini merujuk kepada himpunan nilai yang ditentukan oleh mereka yang berkaitan. Sebagai contoh, etika profesion ialah kod yang menggariskan apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat oleh pengamal profesion berkenaan seperti profesion kedokteran, kehakiman, undang-undang, perakauan dan juga perguruan (Sharifah Hayaati, 2010).

Menurut perspektif Islam pula, perihal nilai dan etika yang dibincangkan di atas dirujuk sebagai ilmu akhlak yang mempunyai konsep yang lebih komprehensif daripada faham etika (al-Attas, 2015; Mohd Nasir, 2005). Akhlak ialah sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu atau kumpulan (Mohd Nasir, 2005). Sifat ini boleh dimiliki melalui latihan, rangsangan atau sebagainya yang akhirnya menjadi adat atau tabiat; dan akhlak meliputi dua dimensi iaitu batin atau kejiwaan dan zahir dalam bentuk perlakuan ke arah mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan abadi di akhirat (Miqdad Yaljan, 1973; al-Attas, 2015). Dalam pembahagian ilmu menurut Islam, ilmu akhlak ini merupakan salah satu komponen dalam ilmu fardu ain yang menjadi kewajipan setiap orang Islam memahami dan mengamalkannya (al-Ghazali, 2011). Asas akhlak inilah yang mengandungi segala nilai dan etika atau juga disebut dalam beberapa penulisan lain sebagai adab dalam Islam. Al-Jurjānī (2000) misalnya, mentakrifkan adab sebagai pengetahuan yang akan mencegah manusia daripada melakukan pelbagai jenis kesilapan [dalam bidang yang diceburi] (ma‘rifah mā yahtarizu bihi ‘an jamī‘ anwā‘ al-khata’). Manakala bagi al-Attas (2015) pula, adab ialah pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan suatu hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta. Dalam istilah adab terkandung ilmu, hikmah dan juga keadilan dengan meletakkan sesuatu tepat pada tempatnya. Oleh yang demikian, adab inilah yang akan menggariskan satu pengetahuan dan amalan yang mampu mencegah manusia daripada tersalah atau tersasar daripada tujuan dan tugas sebenar mereka sama ada pada tahap yang minimum sebagai seorang hamba Allah atau juga mereka yang terlibat dalam apa jua profesion. Hal inilah yang ditetapkan oleh ajaran Islam dan ia menjadi akhlak serta kod etika setiap individu Muslim tanpa mengira jawatan, pangkat, darjat, umur, tempat dan organisasi di mana mereka berkhidmat.

Berdasarkan perbincangan tentang maksud etika dan pembahagian etika, boleh difahami bahawa etika perguruan merupakan satu set nilai atau kod yang menggariskan apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat oleh pengamal profesion perguruan atau warga pendidikan. Etika perguruan juga merujuk kepada set tingkah laku atau tanggungjawab guru yang perlu dilaksanakan terhadap masyarakat, negara, pelajar, rakan sejawat dan ibubapa pelajar (Esah, 2003; Alis, 2016). Oleh yang demikian, boleh disimpulkan, etika perguruan ialah satu himpunan nilai dan tingkahlaku yang perlu diamalkan oleh seorang guru berhadapan dengan para pelajar, rakan sejawat, pentadbir, masyarakat dan juga para ibu bapa demi memelihara standard dan profesionalisme mereka. Ia merangkumi

prinsip tingkahlaku yang perlu diamalkan dan juga tingkahlaku yang perlu dielakkan. Hal ini bertujuan untuk menjamin profesion perguruan berkualiti dan memenuhi hakikat dan tujuan sebenar profesion tersebut (Yahyā Hasan, 2003; Gunther, 2005; Mohd Anuar, 2014; Mohd Anuar, 2016b). Selain itu, etika perguruan ini juga berfungsi sebagai:

- a) Memberikan pedoman kepada setiap ahli mengenai prinsip profesionalisme;
- b) Kawalan sosial untuk masyarakat atas profesion yang berkaitan. Masyarakat dapat memahami kepentingan sesuatu profesion; dan
- c) Membantu para profesional mencegah campur tangan pihak di luar organisasi profesion tentang hubungan etika dalam keanggotaan profesion.

4.2 Etika Profesion Perguruan: Aspek Amalan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha sejak dari dahulu lagi untuk menjadikan bidang perguruan ini sebagai satu kerjaya yang profesional. Laporan Suruhanjaya Diraja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat (Laporan Aziz, 1971), telah mencadangkan supaya diadakan Etika Profesion Perguruan (EPP) bagi Pembentukan Tatasusila Guru. Semua guru yang telah memperolehi sijil perguruan perlu mematuhi (Yahya & Zainuddin, 2003). Perkenalan Etika Profesion Perguruan ini bertujuan agar prestij atau martabat profesion perguruan terpelihara dan tanggungjawab mereka sebagai guru dapat dilaksanakan dengan sempurna. Etika Profesion Perguruan ini menjelaskan tentang empat perkara utama iaitu pengetahuan etika guru, tanggungjawab guru terhadap pelajar, tanggungjawab guru terhadap rakan sejawat dan profesion perguruan, tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara serta tanggungjawab guru terhadap ibubapa pelajar (Esah, 2002; Sufean, 2004; Foo, 2005; Alis, 2016). Berikut merupakan aspek amalan dalam Etika Profesion Perguruan yang dipetik daripada penulisan yang lepas merangkumi etika guru terhadap pelajar, rakan sejawat, profesion perguruan, masyarakat, negara dan ibubapa pelajar:

Tanggungjawab terhadap pelajar

Mengenai tanggungjawab terhadap pelajar, seseorang guru hendaklah:

1. Mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar melebihi hal-hal lain;
2. Bersikap adil terhadap setiap pelajar tanpa mengira faktor jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan atau agama;
3. Mempamerkan suatu cara pakaian, pertuturan dan tingkah laku yang memberikan contoh yang baik kepada pelajar;
4. Membimbing atau mengajar para pelajar dalam bilik darjah sendiri atau mata-mata pelajaran yang diajar di bilik darjah tanpa mengambil bayaran; dan
5. Memelihara dan memperbaiki kecekapan ikhtisas melalui pengajian, lawatan dan menghadiri kursus ikhtisas, persidangan, mesyuarat atau seminar supaya pengajaran mencapai mutu yang setinggi-tingginya.

Tanggungjawab terhadap Rakan Sejawat dan Profesion Perguruan

Mengenai tanggungjawab terhadap guru lain dan profesion perguruan, seseorang guru hendaklah:

1. Mengelakkan diri dari membuat kenyataan atau ulasan yang boleh mencemarkan nama baik seseorang guru di hadapan pelajar atau ibu bapa, atau membuat sesuatu yang boleh menjatuhkan maruah guru;

2. Tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menjejaskan kecekapan sebagai guru;
3. Berusaha dengan bersungguh-sungguh menunaikan tanggungjawab dengan rajin dan bersungguh-sungguh dan mengekalkannya sejajar dengan kemajuan dan ikhtisas;
4. Sentiasa bersedia dan membantu rakan sejawat terutamanya guru baharu;
5. Sentiasa mengawasi diri supaya tidak mencemarkan nama baik profesion perguruan; dan
6. Harus menjadi ahli dalam kesatuan guru.

Tanggungjawab terhadap Masyarakat dan Negara

Mengenai tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara, seseorang guru hendaklah:

1. Mengelakkan diri daripada menyebarkan ajaran yang boleh merosakkan kepentingan pelajar, masyarakat atau negara, ataupun yang bertentangan dengan Rukun Negara;
2. Memupuk dalam diri pelajar sikap dan nilai yang membantu pelajar menjadi warganegara yang taat setia, bertanggungjawab dan berguna, menghormati orang yang lebih tua dan menghormati perbezaan budaya, keturunan dan agama;
3. Menghormati masyarakat tempat berkhidmat dan memenuhi tanggungjawab sebagai warganegara serta mengambil bahagian dalam kegiatan masyarakat;
4. Menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara guru dengan ibu bapa, institusi pendidikan dengan masyarakat;
5. Memberi sumbangan cergas untuk meninggikan moral, kebudayaan dan kecendekiawanan masyarakat; dan
6. Berpegang kepada tingkah laku yang sopan dan diterima oleh masyarakat dan menjalani kehidupan guru sehari-hari dengan baik.

Tanggungjawab Terhadap Ibubapa

Akhirnya, mengenai tanggungjawab terhadap ibubapa pelajar, seseorang guru hendaklah:

1. Menghormati tanggungjawab utama ibu bapa terhadap anak-anak mereka;
2. Berusaha mewujudkan hubungan mesra dan kerjasama erat antara institusi pendidikan dan rumah tangga;
3. Menganggap semua maklumat rumah tangga yang diberi ibu bapa berkenaan keadaan rumah tangga mereka dan anak mereka adalah sulit dan tidak dibocorkan kepada sesiapa kecuali yang berhak;
4. Memberikan maklumat kepada ibu bapa demi kepentingan anak-anak mereka dan menggunakan maklumat yang diberi oleh ibu bapa dengan teliti dan bijaksana;
5. Mengelakkan diri dari menggunakan atau dipengaruhi oleh kedudukan sosial dan ekonomi ibu bapa; dan
6. Mengelakkan diri daripada mengeluarkan kata-kata atau melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kepercayaan pelajar terhadap ibu bapa atau penjaga mereka.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

5.1 Etika Profesion Perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah

Imam Abū Ḥanīfah merupakan salah seorang sarjana Islam yang terkenal dan ketokohnya dikagumi sepanjang zaman. Nama lengkap beliau ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin Zu‘ta bin Māh al-Taymī al-Kūfī, atau menurut suatu riwayat lain ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin al-Nu‘mān bin al-Marzubān. Kebanyakan sarjana Islam berpendapat bahawa beliau lahir pada tahun 80H/699M, semasa zaman khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān dan meninggal dunia di Baghdād pada tahun 150H/767M, ketika berumur 70 tahun (Mohd Anuar, 2010; 2013; 2016). Sepanjang kehidupannya, beliau menumpukan perhatian dalam mendalami dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam melalui penglibatan aktif beliau dalam bidang pendidikan. Komitmen dan kesungguhan beliau diakui oleh para sarjana Islam sehingga beliau diiktiraf mempunyai ketokohan dalam pelbagai lapangan ilmu khususnya fiqh (Abū Zahrah, t.t.; Ghāwījī al-Albānī, 1978), akidah (Iblāgh, 1971) dan juga pendidikan (Aymān, 2008; al-Najādī, 2012; Mohd Anuar, 2016).

Tambahan pula beliau juga turut menghasilkan sebanyak 23 karya utama (al-Nadīm, 1996; Ḥājī Khalīfah, 1982; al-Baghdādī, 1955) dalam disiplin ilmu yang pelbagai, termasuklah dua karya penting dalam bidang pendidikan seperti al-‘Ālim wa al-Muta‘allim dan siri Wasiyyah Abī Ḥanīfah. Kedua-dua kitab ini merupakan sumber terpenting dalam mengkaji pemikiran pendidikan Abū Ḥanīfah termasuk juga mengenai adab dan etika perguruan. Dalam penulisan ini, kedua-dua kitab tersebut dijadikan sumber utama yang digunakan dalam menganalisis adab dan etika perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah.

Mengenai kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim, ia merupakan sebuah kitab yang memaparkan catatan dialog pengajaran antara Abū Ḥanīfah dengan salah seorang murid beliau iaitu Abū Mutī‘ (m.197H/812M). Perbincangan yang dikemukakan adalah terperinci mengenai persoalan akidah dan perkara-perkara asas agama. Ia juga mengandungi beberapa perbincangan berkaitan beberapa aspek falsafah pendidikan dan pengajaran khususnya persoalan tujuan pendidikan dan kaedah pengajaran. Berdasarkan paparan dialog yang dicatatkan dalam kitab ini, ia jelas menggambarkan adab dan hubungan antara guru dan murid, iaitu Abū Ḥanīfah sebagai guru (al-mu‘allim) dan Abū Mutī‘ sebagai al-muta‘allim (Mohd Anuar, 2016). Oleh yang demikian, kitab ini dianggap sebagai satu rujukan utama untuk mengetahui adab dan etika perguruan yang diamalkan sendiri oleh Abū Ḥanīfah dalam tindakan dan kata-kata beliau.

Seterusnya, sumber utama kedua ialah siri Wasiyyah Abī Ḥanīfah. Siri ini merujuk kepada pesanan yang disampaikan oleh Abū Ḥanīfah kepada para pelajarnya sama ada secara khusus ataupun umum. Antara karya yang bertajuk Wasiyyah ialah Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf (al-Muwaffaq al-Makkī, 1981; Ibn Nujaym, 1968; al-Tamīmī al-Dārī, 1983), Wasiyyah Abū Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād (Mohd Anuar, 2015), Wasiyyah Abū Ḥanīfah ilā Tilmīdhīhi Yūsuf bin Khālīd al-Samī al-Basrī (al-Kurdārī, 1981; Mohd Anuar, 2016b) dan Wasiyyah Abū Ḥanīfah fī al-Tawhīd (Mohd Anuar, 2014). Kesemua Wasiyyah tersebut merupakan untaian nasihat beliau kepada anak dan pelajarnya setelah mereka tamat pengajian dalam tempoh waktu tertentu dan berhasrat untuk pulang ke negara masing-masing. Kandungannya berkisar tentang adab guru dan pelajar, tujuan pendidikan, dan tatacara pergaulan dengan masyarakat, manakala Wasiyyah Abū Ḥanīfah fī al-Tawhīd sahaja yang membincangkan tentang persoalan akidah dan prinsip-prinsip Ahli Sunnah dan Jama‘ah secara khusus. Oleh yang demikian, kesemua siri Wasiyyah ini juga amat penting dan sesuai untuk melihat adab dan etika perguruan yang disarankan oleh Imam Abū Ḥanīfah. Semua pesanan tersebut secara umumnya disampaikan kepada para muridnya yang telah tamat belajar dan dianggap telah layak bergelar guru. Melalui nasihat-nasihat tersebut, dapat dikeluarkan beberapa adab yang sepatutnya dilazimi oleh para guru.

Berdasarkan kedua-dua kitab Imam Abū Ḥanīfah di atas dan juga beberapa sokongan daripada riwayat dalam karya-karya sejarah, adab dan etika perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah dianalisis. Hasil analisis tersebut serta gabungan dengan beberapa elemen EPP sedia ada (Esah, 2002; Sufean, 2004; Foo, 2005; Alis, 2016) boleh diringkaskan sebagaimana jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Adab Guru Menurut Imam Abū Ḥanīfah

A) Adab terhadap diri sendiri	
1.	Saya memperbaharui niat semasa mengajar
2.	Saya sedar adanya pemerhatian Allah SWT dalam setiap perbuatan saya
3.	Saya membaca al-Quran setiap hari
4.	Saya berusaha meningkatkan kualiti ibadat
5.	Saya mementingkan amal ibadat berbanding perkara lain
6.	Saya meluangkan sedikit masa untuk bermuhasabah
7.	Saya berhati-hati dalam percakapan dan mengeluarkan pendapat
8.	Saya tidak terlibat dengan program sia-sia dan tidak bermanfaat
9.	Saya mempunyai jadual perancangan yang teratur
10.	Saya bersemangat untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajar
11.	Saya beristiqamah dalam meningkatkan ilmu
B) Adab terhadap ilmu, pengajaran dan pembelajaran	
12.	Saya memastikan para pelajar memahami ilmu yang disampaikan dengan jelas dan yakin
13.	Saya bersungguh-sungguh dan sabar dalam membimbing pelajar
14.	Saya memastikan kandungan pelajaran yang diajar selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pegangan negara Malaysia
15.	Saya merujuk pihak yang berautoriti dalam menjawab persoalan yang tidak pasti
16.	Saya memudahkan kefahaman pelajar dalam pengajaran
C) Adab terhadap Pelajar	
17.	Saya mengambil berat terhadap pelajar sepertimana anak saya sendiri
18.	Saya memantau kehadiran pelajar
19.	Saya menghidupkan suasana pembelajaran dengan menyelitkan sedikit gurauan dengan pelajar
20.	Saya tahu kelebihan dan kekurangan setiap pelajar
21.	Saya bertolak ansur dan memaafkan kesalahan pelajar
D) Adab Sesama Guru	
22.	Saya membantu guru-guru lain yang memerlukan bantuan

23.	Saya menghargai kebolehan guru-guru lain
24.	Saya menghormati guru-guru lain
25.	Saya menghulurkan bantuan kewangan kepada guru yang memerlukan
26.	Saya menyedari kekurangan guru-guru lain
27.	Saya mengiktiraf pandangan guru lain berdasarkan pengalaman mereka
28.	Saya berusaha mengelakkan diri dari persaingan yang tidak sihat dengan guru lain
E) Adab Terhadap Masyarakat Awam	
29.	Saya mengutamakan ibadah dalam masyarakat
30.	Saya mempamerkan akhlak terpuji kepada masyarakat awam
31.	Saya mengambil perhatian terhadap isu dan perkara yang berlaku melibatkan masyarakat awam
32.	Saya menghormati orang yang lebih tua
33.	Saya menasihati dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat awam

5.2 Tinjauan Amalan Etika Perguruan Menurut Imam Abū Ḥanīfah di Selangor

Setelah elemen etika perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah selesai dianalisis dan digabungkan dengan EPP sedia ada, kajian tinjauan dilakasanakan terhadap responden terpilih di sekolah menengah di sekitar Selangor. Dapatan kajian tinjauan tersebut secara umumnya adalah sebagaimana berikut:

5.2.1 Demografi

Sebelum pengkaji menjelaskan mengenai dapatan tahap amalan etika perguruan menurut Imam Abū Ḥanīfah, pengkaji kemukakan terlebih dahulu demografi responden yang terlibat dengan kajian ini. Jumlah responden ialah 263 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah sekitar Selangor. Daripada jumlah tersebut seramai 46 orang (17.5%) adalah guru lelaki manakala 217 (82.5%) adalah guru perempuan. Jumlah tersebut sebenarnya menggambarkan peratusan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah di Selangor. Hal menunjukkan majoriti peratusan daripada kajian ini diperolehi daripada hasil tinjauan terhadap guru perempuan berbanding hanya 17.5% sahaja guru lelaki. Jadual 2 menunjukkan peratusan responden (guru lelaki dan perempuan):

Jadual 2: Jantina responden

Jantina	N	%
Lelaki	46	17.5
Perempuan	217	82.5
JUMLAH	273	100

Merujuk kepada tahap pendidikan pula, majoriti responden ialah mereka mendapat pendidikan peringkat Ijazah Sarjana Muda sesuai dengan kelayakan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka seramai 232 orang, mewakili 88.2%. Namun begitu, terdapat juga guru yang mempunyai Diploma sahaja, iaitu seramai 3 orang (1.1%) khasnya mereka yang mengajar di sekolah menengah agama negeri. Selain itu, terdapat seorang guru Pendidikan Islam yang

memperolehi Ijazah Doktor Falsafah yang menjadi responden kajian ini. Jadual 3 menunjukkan perincian peringkat pendidikan responden:

Jadual 3: Tahap pendidikan responden

TAHAP PENDIDIKAN TERTINGGI	N	%
DIPLOMA	3	1.1
SARJANA MUDA	232	88.2
SARJANA	25	9.5
PHD	1	0.4
LAIN-LAIN	2	0.8
JUMLAH	263	100

Aspek penting juga dalam demografi responden kajian ini ialah tentang pengalaman mengajar dan lokasi sekolah mereka. Hal ini memberi maklumat dan pengaruh tentang pengetahuan etika perguruan dan aplikasi mereka terhadapnya. Dalam kajian ini, pengalaman mengajar yang paling lama ialah antara 31-40 tahun (4 orang, 1.5%), manakala yang paling minimum ialah 1-5 tahun (24 orang, 9.1%). Untuk lokasi sekolah pula, majoriti guru adalah daripada sekolah bandar dan separa bandar yang masing-masing 105 buah, 39.9% di bandar dan 117 buah, 44.5% separa bandar. Manakala luar bandar hanya 41 buah yang mewakili 15.6%. Jadual 4 dan 5 menunjukkan perinciannya:

Jadual 4: Pengalaman responden

Pengalaman Mengajar	N	%
5 tahun dan ke bawah	24	9.1
6-10	31	11.8
11-15	60	22.8
16-20	87	33.1
21-30	57	21.7
31-40	4	1.5
JUMLAH	263	100

Jadual 5: Lokasi sekolah responden

Lokasi sekolah	N	%
Bandar	105	39.9
Separah Bandar	117	44.5
Luar Bandar	41	15.6

JUMLAH	263	100
---------------	------------	------------

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa hampir semua responden yang terlibat dengan kajian ini telah didedahkan dengan etika perguruan, sama ada semasa mengikuti kursus Ijazah perguruan mahupun daripada seminar, bengkel, latihan profesional yang dianjurkan oleh universiti, kementerian, jabatan pendidikan dan pihak sekolah terbabit. Ke kerapannya menyertai program berkaitan etika perguruan ini amat baik yang mana seramai 183 orang guru (69.6%) mengikutinya sebanyak 3 kali. Adapun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat 3 (1.1%) orang guru yang belum diberi pendidikan mengikuti kursus etika perguruan ini. Hal ini mungkin disebabkan mereka baru sahaja melapor diri sebagai guru atau masih lagi dalam kursus pengijazahan khususnya melalui skim pengajian kursus semasa cuti. Secara umumnya menunjukkan responden kepada kajian ini merupakan guru yang pelbagai dan telah mempunyai pengalaman dalam pengajaran serta pernah didedahkan dengan kursus berkaitan etika, oleh itu mereka amat sesuai dijadikan responden kajian untuk meninjau amalan etika perguruan yang digariskan oleh Imam Abū Ḥanīfah.

5.2.2 Tahap Amalan Etika

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap amalan guru Pendidikan Islam di Selangor adalah tahap yang tinggi iaitu pada nilai purata min 3.327. Min yang paling tinggi ialah 3.8. Ia merujuk kepada item ke-32 iaitu guru menghormati mereka yang lebih tua. Manakala nilai min yang paling rendah pula ialah 2.61, iaitu item berkaitan memberi bantuan kepada rakan sejawat dan berperanan menasihati masyarakat. Jadual 6 menunjukkan hasil tinjauan terhadap semua item soal selidik dan juga jumlah min setiap item.

Jadual 6: Min tahap amalan etika guru

Bil	Item	Min	SP
A) Adab Terhadap Diri			
1.	Saya memperbaharui niat semasa mengajar	3.1	0.676
2.	Saya sedar adanya pemerhatian Allah SWT dalam setiap perbuatan saya	3.78	0.436
3.	Saya membaca al-Quran setiap hari	3.35	0.63
4.	Saya berusaha meningkatkan kualiti ibadat	3.48	0.559
5.	Saya mementingkan amal ibadat berbanding perkara lain	3.35	0.613
6.	Saya meluangkan sedikit masa untuk bermuhasabah	3.03	0.634
7.	Saya berhati-hati dalam percakapan dan mengeluarkan pendapat	3.35	0.538
8.	Saya tidak terlibat dengan program sia-sia dan tidak bermanfaat	3.12	0.918
9.	Saya mempunyai jadual perancangan yang teratur	2.94	0.605
10.	Saya bersemangat untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajar	3.48	0.545
11.	Saya beristiqamah dalam meningkatkan ilmu	3.3	0.565
B) Adab terhadap ilmu, pengajaran dan pembelajaran			
12.	Saya memastikan para pelajar memahami ilmu yang disampaikan dengan jelas dan yakin	3.57	0.54
13.	Saya bersungguh-sungguh dan sabar dalam membimbing pelajar	3.49	0.559
14.	Saya memastikan kandungan pelajaran yang diajar selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pegangan negara Malaysia	3.77	0.449
15.	Saya merujuk pihak yang berautoriti dalam menjawab persoalan yang tidak pasti	3.41	0.623

16.	Saya memudahkan kefahaman pelajar dalam pengajaran	3.58	0.494
C) Adab terhadap Pelajar			
17.	Saya mengambil berat terhadap pelajar sepertimana anak saya sendiri	3.39	0.607
18.	Saya memantau kehadiran pelajar	3.52	0.558
19.	Saya menghidupkan suasana pembelajaran dengan menyelitkan sedikit gurauan dengan pelajar	3.4	0.633
20.	Saya tahu kelebihan dan kekurangan setiap pelajar	3.1	0.661
21.	Saya bertolak ansur dan memaafkan kesalahan pelajar	3.39	0.527
D) Adab Sesama Guru			
22.	Saya membantu guru-guru lain yang memerlukan bantuan	3.29	0.588
23.	Saya menghargai kebolehan guru-guru lain	3.56	0.497
24.	Saya menghormati guru-guru lain	3.73	0.452
25.	Saya menghulurkan bantuan kewangan kepada guru yang memerlukan	2.61	0.661
26.	Saya menyedari kekurangan guru-guru lain	2.63	0.746
27.	Saya mengiktiraf pandangan guru lain berdasarkan pengalaman mereka	3.41	0.551
28.	Saya berusaha mengelakkan diri daripada persaingan yang tidak sihat dengan guru lain	3.53	0.585
E) Adab Terhadap Masyarakat Awam			
29.	Saya mengutamakan ibadah dalam masyarakat	3.21	0.644
30.	Saya mempamerkan akhlak terpuji kepada masyarakat awam	3.41	0.572
31.	Saya mengambil perhatian terhadap isu dan perkara yang berlaku melibatkan masyarakat awam	3.12	0.616
32.	Saya menghormati orang yang lebih tua	3.8	0.399
33.	Saya menasihati dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat awam	2.61	0.754

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa min setiap item berada pada dua tahap, iaitu tinggi (3.0-4.0) dan sederhana (2.0-3.0). Hal ini menunjukkan aplikasi etika guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana dan tinggi sahaja serta tiada pada tahap yang rendah (1.0-2.0). Namun begitu, jika dilihat pada purata min keseluruhan item, ia masih berada pada tahap tinggi iaitu, 3.327. Walaupun ia tidaklah berada pada tahap amat tinggi tetapi hasil tinjauan ini menunjukkan aplikasi etika dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih lagi memuaskan. Walau bagaimanapun, aspek amalan etika ini perlu diberi perhatian dan dimantapkan dari semasa ke semasa untuk menjamin kelestarian amalan mereka. Ini kerana guru Pendidikan Islam merupakan suatu profesion yang penting, dipandang mulia oleh masyarakat dan juga mereka berperanan sebagai contoh terbaik (role model) kepada pelajar, rakan dan juga masyarakat (Ab. Halim Tamuri, 2011; Mohd Anuar, 2014). Antara item yang memperolehi min yang paling rendah ialah seperti jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Antara item min paling rendah


		Tidak Pernah	kadang-kadang	Kerap Kali	Setiap Masa	N	Min	SP
9	Saya mempunyai jadual perancangan yang teratur	0	57	166	40	263	2.94	0.605
		(0.00%)	(21.67%)	(63.12%)	(15.21%)			

25	Saya menghulurkan bantuan kewangan kepada guru yang memerlukan	4 (1.52%)	116 (44.11%)	121 (46.01%)	22 (8.37%)	263	2.61	0.661
26	Saya menyedari kekurangan guru-guru lain	12 (4.60%)	102 (39.08%)	117 (44.83%)	30 (11.49%)	261	2.63	0.746
33	Saya menasihati dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat awam	7 (2.67%)	124 (47.33%)	95 (36.26%)	36 (13.74%)	262	2.61	0.754

Manakala untuk setiap domain adab tersebut pula, kelihatan min semakin menurun khususnya melibatkan domain sosial guru. Min adab guru dengan rakan sejawat hanya 3.252, manakala dengan masyarakat lebih rendah iaitu, 3.233 dan min pelajar hanya 3.359. Hanya min berkaitan domain ilmu sahaja yang mencapai tahap amat tinggi, 3.566. Jadual 8 dan Carta 1 berikut menunjukkan nilai purata min domain yang ditinjau:

Jadual 8: Min domain tahap amalan etika guru

Domain	Min	SP
Adab Diri	3.2987	0.36746
Adab Ilmu	3.5665	0.38772
Adab Pelajar	3.3599	0.44275
Adab Guru	3.2524	0.34933
Adab Masyarakat	3.2337	0.40992



Carta 1: nilai purata min domain yang ditinjau

Berdasarkan jadual 8 dan Carta 1 di atas jelas menunjukkan aplikasi etika dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi, namun tidak mencapai amat tinggi yang sepatutnya dicapai oleh guru Pendidikan Islam. Domain diri (jadual 9) dan domain sosial (jadual 10) perlu diberi perhatian dan perlu ditingkatkan aspek aplikasi dan amalan. Sebagai contohnya, aspek niat, muhasabah, perancangan, terlibat dengan perkara sia-sia dan istiqamah dalam menuntut ilmu tidak mencapai tahap amat tinggi sedang ia merupakan perkara utama dan asas dalam adab guru menurut Abu

Hanifah dan sarjana Islam (Yahyā Hasan, 2003; Gunther, 2005; Mohd Anuar, 2014; Mohd Anuar, 2016b).

Jadual 9: Antara item domain diri

		Tidak Pernah	kadang-kadang	Kerap Kali	Setiap Masa	Min	SP
1	Saya memperbaharui niat semasa mengajar	1 (0.38%)	45 (17.18%)	143 (54.58%)	73 (27.86%)	3.1	0.676
6	Saya meluangkan sedikit masa untuk bermuhasabah	1 (0.38%)	46 (17.56%)	160 (61.07%)	55 (20.99%)	3.03	0.634
8	Saya tidak terlibat dengan program sia-sia dan tidak bermanfaat	24 (9.20%)	24 (9.20%)	110 (42.15%)	103 (39.46%)	3.12	0.918
9	Saya mempunyai jadual perancangan yang teratur	0 (0.00%)	57 (21.67%)	166 (63.12%)	40 (15.21%)	2.94	0.605
11	Saya beristiqamah dalam meningkatkan ilmu	0 (0.00%)	14 (5.32%)	155 (58.94%)	94 (35.74%)	3.3	0.565

Domain masyarakat sebagaimana jadual 10 di bawah pula mendapat nilai purata min yang paling rendah berbanding semua domain adab yang dikemukakan oleh Abu Hanifah. Hal ini menunjukkan bahawa para guru Pendidikan Islam kurang mengaplikasi etika berkaitan hal ini. Hanya satu item sahaja yang mencapai tahap amat tinggi iaitu berkaitan penghormatan terhadap orang yang lebih tua, manakala semua item lain hanya sekitar 2.61-3.41. Dapatan tinjauan ini menjelaskan bahawa aspek sosial khususnya penglibatan dengan masyarakat perlu diberi penekanan oleh guru. Guru Pendidikan Islam bukan hanya berperanan di sekolah malah keberadaan mereka turut menuntut mereka berinteraksi dan memainkan peranan yang bermakna dalam komuniti dan masyarakat. Inilah merupakan antara tradisi pendidikan Islam yang dimainkan oleh para guru dan sarjana Islam terdahulu (Yahyā Hasan, 2003; Gunther, 2005; Mohd Anuar, 2014; Mohd Anuar, 2016b).

Jadual 10: Antara item domain masyarakat

		Tidak Pernah	kadang-kadang	Kerap Kali	Setiap Masa	Min	SP
29	Saya mengutamakan ibadah dalam masyarakat	2 (0.77%)	26 (9.96%)	147 (56.32%)	86 (32.95%)	3.21	0.644
30	Saya mempamerkan akhlak terpuji kepada masyarakat awam	0 (0.00%)	11 (4.18%)	132 (50.19%)	120 (45.63%)	3.41	0.572
31	Saya mengambil perhatian terhadap isu dan perkara yang berlaku melibatkan masyarakat awam	0 (0.00%)	36 (13.69%)	160 (60.84%)	67 (25.48%)	3.12	0.616
32	Saya menghormati orang yang lebih tua	0 (0.00%)	0 (0.00%)	52 (19.77%)	211 (80.23%)	3.8	0.399
33	Saya menasihati dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat awam	7 (2.67%)	124 (47.33%)	95 (36.26%)	36 (13.74%)	2.61	0.754

6.0 KESIMPULAN

Dalam sesebuah profesion, aspek etika merupakan suatu perkara yang amat penting. Begitu juga halnya dengan profesion perguruan, khususnya kepada guru Pendidikan Islam. Kepentingan ini menyebabkan para sarjana Islam, khasnya Imam Abū Ḥanīfah amat menekankan aspek ini dalam penulisan beliau. Antaranya kitab beliau yang secara langsung menekankan aspek etika guru ini ialah *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, *Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, *Wasiyyah Abū Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād* dan *Wasiyyah Abū Ḥanīfah ilā Tilmīdhī Yūsuf bin Khālid al-Samtī al-Basrī*. Begitu juga hal dengan dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang merencanakan transformasi pendidikan di Malaysia adalah antara lain menekankan aspek pembangunan profesional dan etika perguruan (KPM, 2103). Oleh yang demikian, kajian ini mengemukakan 33 elemen etika perguruan yang dikeluarkan berdasarkan pemikiran dan karya Imam Abū Ḥanīfah serta gabungan EPP sedia ada yang telah digariskan oleh KPM. 33 item tersebut mewakili lima domain utama adab iaitu domain diri, domain ilmu dan domain sosial (pelajar, guru dan masyarakat). Domain yang dinyatakan dalam kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian terkini mengenai model akhlak berdasarkan temubual pakar yang membahagikan akhlak guru kepada tiga, iaitu akhlak dengan Allah, akhlak dengan alam dan akhlak dengan manusia (Salbiah, 2018b).

Mengenai kajian tinjauan terhadap aplikasi etika perguruan pula, hal ini menunjukkan tahap amalan guru pendidikan Islam di Selangor adalah tinggi, iaitu purata min 3.327. Namun ia kelihatan tidak memadai sepenuhnya, aspek ini sepatutnya menunjukkan tahap yang lebih tinggi disebabkan elemen yang dikemukakan dalam soal selidik ini merupakan aspek-aspek dasar kepada adab dan tugas utama guru adalah menyampaikan ilmu dan juga membentuk akhlak pelajar (Abdul Muhsein, 2014; Ab. Halim & Khairul Azman, 2010). Konstruksi etika ini merangkumi persoalan niat yang ikhlas dalam mengajar, tugas utama guru, tanggungjawab guru dan juga peranan mereka. Perlu diberi perhatian juga bahawa domain sosial merupakan antara domain etika yang agak rendah berbanding dengan domain lain. Hal ini perlu diberi perhatian oleh guru Pendidikan Islam disebabkan sebagai guru mereka tidak terasing daripada masyarakat. Guru Pendidikan Islam sepatutnya menjadi contoh dan rujukan bukan sahaja di sekolah dan kepada para pelajar malah mereka juga perlu memainkan peranan penting dalam masyarakat setempat selaras dengan amanat Menteri Pendidikan dan tema yang menunjangi pendidikan negara pada tahun 2019 (Berita Harian, 13 Januari 2019; Sinar Harian, 25 Februari 2019).

Kesimpulannya, tahap aplikasi guru Pendidikan Islam di Selangor berada pada tahap tinggi dan baik. Namun, ia perlu diperkukuhkan dan dihayati dari semasa ke semasa memandangkan ia merupakan asas dan dasar utama kepada profesion perguruan Islam. Domain sosial mesti diberi fokus untuk dikembangkan supaya guru Pendidikan Islam ini banyak terlibat dengan aktiviti masyarakat yang sangat memerlukan sumbangan mereka. Program-program, bengkel, latihan dan juga seminar berkaitan etika perguruan hendaklah dilaksanakan secara berkala, bukan hanya terhad kepada guru baru sahaja. Lebih menyedihkan jika aspek etika dan aplikasinya ini dianggap sampingan dan kurang penting berbanding aspek lain seperti penggunaan teknologi dan perkaedahan, sedangkan tanpa etika, pelaksanaan sistem pendidikan tidak akan mencapai hasratnya. Bermula dengan pengetahuan etika yang tepat mengenai matlamat, tugas dan peranan guru pastinya akan membawa kepada amalan yang berterusan seterusnya membentuk pelajar yang berwibawa dan menyumbang kepada pencapaian matlamat pendidikan Islam.

Penghargaan

Artikel ini merupakan versi kemaskini daripada kertas kerja yang dibentangkan dalam 1st International Conference on Religion, Social Sciences and Technological Education (InSight 2018).

Ia juga merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme, Fasa 1/2015 (FP024-2015A) dan University of Malaya Research Grant, (RG481-15HNE). Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan memberi sumbangan dalam penulisan artikel ini, pihak KPM, UM dan USIM.

Rujukan

- Abdul Rahman Md. Aroff. (2008). Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral. Serdang: UPM.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim". *Journal of Islamic and Arabic Education* , 2(1), 2010 43-56.
- Ab. Halim Tamuri. (2011). "Penghayatan Islam Melalui Pengajaran dan Pembelajaran". Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan, anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Hotel Dinasty.
- Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya'qūb Ishāq al-Nadīm. (1996). al-Fihrist. taḥqīq Yūsuf 'Alī Ṭawīl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu al-Wafā al-Qurashī, 'Abd al-Qādir bin Abī al-Wafā Muḥammad bin Nuṣr Allāh bin Sālim. (t.t.). al-Jawāhir al-Muḍiyyah fi Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah. Karachi: Miz Kutub Khanah Aram Bagh.
- Abū Ḥanīfah, al-Nu'mān bin Thābit. (2001). al-'Ālim wa al-Muta'allim. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (pnyt). Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). Pengantar Falsafah. Selangor: Penerbit UKM.
- al-Albānī, Wahbī Sulaymān Ghāwījī. (1978). Abū Ḥanīfah al-Nu'mān: Imām al-A'immah al-Fuqahā'. Dimashq: Dār al-Qalam.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2015). Himpunan Risalah. Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS.
- al-Baghdādī al-Bābānī, Ismā'īl Bāshā. (1955). Hadiyyah al-'Ārifīn: Asmā' al-Mu'allafīn wa Āthār al-Muṣannafīn. j.2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhamad. (2011). Ihya' 'Ulum al-Din. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī. (2000). al-Ta'rifāt, ed. Muḥammad Bāsal 'Uyūn al-Sawd. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Kurdaī, Hāfiẓ al-Dīn bin Muḥammad. (1981). Manāqib Abī Hanīfah. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Makkī, al-Muwaffaq bin Aḥmad. (1981). Manāqib Abī Hanīfah. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Ṣaymarī, Abū 'Abdillah Ḥusayn bin 'Alī. (1985). Akhbār Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābuh, c.2. T.T.P: 'Ālam al-Kutub.
- al-Tamīmī al-Dārī, Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir. (1983). al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fi Tarājum al-Ḥanafīyyah. 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Hilw (pnyt). Riyad: Dār al-Rifa'ī.
- Aymān Muḥammad 'Abd al-'Azīz. (2008). al-Turāth al-Tarbawī fi al-Madhab al-Ḥanafī, Iskandariyyah: Maktabah al-'Ilm wa al-Īmān.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). Standard Guru Malaysia. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Bertens. K. (2003). Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Brockelmann, Carl. (1993). Tārīkh al-Adab al-'Arabī. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (terj.). Qaherah: Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Kamus Dewan, Edisi Ekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Foo Say Fooi. (2005). Etika Perguruan Jaminan Peningkatan Profesionalisme. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Gunther, Sebastian (2005). *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill.
- Ḥāji Khalīfah, Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh. (1982). *Kashf al-Zunūn*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Iblāgh, ‘Ināyat Allāh. (1971). *al-Imām al-A‘zam Abū Ḥanīfah al-Mutakallim*. T.T.P.: al-Majlis al-A‘lā li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah (2010) “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah dalam Kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim”, *AFKAR*, 11, 129-166.
- Mohd Anuar Mamat. (2013). “Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan”, *Jurnal Usuluddin*, 37, 1-32.
- Mohd Anuar Mamat, Mohd Manawi Mohd Akib & Basri Husin. (2014). “Prinsip-Prinsip Ahl al-Sunnah dan al-Jamā‘ah: Pengenalan Dan Terjemahan Melayu Wasiyyah Imam Abū Ḥanīfah”, *AFKAR*, khas, 1-36.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah (2014) “Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf”, *TAFHIM*, 7, 97-130.
- Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdullah (2015) “Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan”, *Jurnal Usuluddin*, 41, 95-123.
- Mohd Anuar Mamat. (2016). *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-‘Alim wa al-Muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2016b). “Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis Wasiyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samtī”, *AFKAR*, 18 (2), pp. 43-102.
- Muḥammad Abū Zahrah. (t.t.). *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuhū, wa ‘Aṣruhū wa Ārā’uhū wa Fiqhuhū*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān bin Qaymāz al-Dhahabī. (2005). *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhir wa al-A‘lām*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Norhannan bt Ramli. (2016). *Prestasi Guru Pendidikan Islam Berasaskan Daya Kekuatan Dalaman, Kepimpinan Pengetua Dan Iklim Sekolah*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Salbiah bt Mohamed Salleh @ Salleh, Jamil bin Ahmad, Mohd Aderi bin Che Noh, Aminudin bin Hehsan. (2018). *Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam di Malaysia*, *UMRAN*, 5 (1), 80-93.
- Salbiah bt Mohamed Salleh @ Salleh. (2018b). *Pembinaan Konstruksi Instrumen Penilaian Kendiri Akhlak Guru Pendidikan Islam Menurut Pandangan Pakar*, *UMRAN*, 5 (3), 1-11.
- Sezgin, Fuat. (1983). *Tārīkh al-Turāth al-‘Arabī*. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (terj.). T.T.P: Idārah al-Thāqafah wa al-Nashr bi al-Jāmi‘ah.
- Sharifah Hayaati Ismail Al-Qudsy. (2010). *Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Veugelers, W. (2000). *Different Ways of Teaching Values*, *Educational Review*, 51, 37–46.
- Yaḥyā Ḥasan ‘Alī Murād. (2003). *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim ‘inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Utusan Malaysia, 07 Mei 1995, “Kod Etika Perguruan Kita Sudah Profesional”.
- Metro, 21 Jun 2010, “Guru Tiada Masa Untuk Keluarga”.
- Berita Harian, 20 Julai 2011, “Hukuman Guru Laku Seks Melampau Ke Atas Dua Murid Kekal”.

Berita Harian, 2012, “Guru Pukul Murid Hingga Mati”.

Berita Harian, 20 September 2013, “Sikap Guru Punca Ponteng”.

Utusan, 3 Januari 2013, “Guru Warga Malaysia Ditangkap Menipu Peniaga Berlian Di India”.

Sinar Harian, 8 Mac 2013, “Guru Ditangkap Khalwat Dalam Semak”.

Malaysiakini, 21 Mei 2015, “MARA Siasat Dakwaan Pelajar Hampir Buta Dirotan Guru”.

Harian Metro, 20 Julai 2016, “Guru Dipenjara Dua Tahun Kerana Memiliki Filem Lucah Dan Menyebarkan Gambar Lucah Serta Palsu Terhadap Pemimpin Negara”.

Berita Harian, 29 Julai 2016, “Ustaz Ditahan Kes 3 Pelajar Tahfiz Cedera Dirotan”.

Utusan, 6 Ogos 2016, “Skim Cepat Kaya: 5 Guru Ditahan”.

Berita Harian, 14 Januari 2019, “Sekolah Untuk Komuniti, Universiti Untuk Masyarakat”.

Sinar Harian, 25 Februari 2019, “Sekolah Untuk Komuniti, Universiti Untuk Masyarakat”.